



Ruj Tuan: KPM.600 – 12/1/1 Jld. 9 (12)
Ruj. Kami: JPK.SPPK.UKK.600-3/5/9 Jld 5 (47)
Tarikh : 23 November 2020

**Pengetua dan Guru Besar,
Semua Sekolah Rendah dan Menengah Negeri Kedah.**

Tuan,

PEMAKLUMAN DAN JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM E-KLESF 2020

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Tunku Abdul Rahman Putra (UTAR) akan menganjurkan **Program e-KLESF 2020** seperti ketetapan berikut:

Nama Program/Pertandingan	Catatan
KLESF International Challenge 2020	Tarikh Akhir Penghantaran Video: 30 November 2020 (Isnin) Tarikh Pengumuman Pemenang: 20 Disember 2020 (Ahad)
e-KLESF (Bengkel STEM, Webinar dan Kuiz Dalam Talian)	Tarikh Program: 12 – 20 Disember 2020

3. Untuk makluman pihak tuan, program ini bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai kefahaman dan kemahiran untuk mentafsir dan menguasai kemahiran STEM. Murid akan dapat mengaplikasikan kemahiran STEM dalam bidang multimedia dan dunia digital. Program ini terbuka kepada murid sekolah menengah dan rendah di Negeri Kedah untuk menyertai aktiviti kokurikulum berlandaskan elemen STEM. **Program ini juga akan dijalankan sepenuhnya secara dalam talian dan maklumat lanjut berkaitan pertandingan ini boleh diperolehi dari laman sesawang <https://www.klesf.net/>.**


4. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini pihak tuan boleh berhubung dengan **pihak urusetia, Puan Marianne Masli (marianne@utar.edu.my) di talian 012-9820 623, Cik Lee Woan Shiang (leewoans@utar.edu.my) di talian 016-2633 760** atau pegawai yang menguruskan di Jabatan Pendidikan Negeri Kedah iaitu Encik Zuherly Zolkapali, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid di talian 04-7745 174 / 014-9090 844.

Perhatian dan kerjasama tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AHMAD SHUKRI BIN SHAFIE)
Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
b/p: Pengarah Pendidikan Kedah

PERKARA: PEMAKLUMAN DAN JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM E-KLESF 2020



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
 Ministry of Education Malaysia
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
 Sports, Co-curricular And Arts Division
 Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62604 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
 Faks : +603 88841034/88886790
 Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600 - 12/1/2020 Jld. 9 (12)
 13 November 2020

Pengarah Pendidikan
 Jabatan Pendidikan Negeri
 (Seperti dalam senarai edaran)

YBhg. Datuk/YBrs Dr./Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM E-KLESF 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima maklumat berkaitan pelaksanaan Program e-KLESF yang akan diadakan pada 12 hingga 20 Disember 2020 di sekolah-sekolah KPM oleh pihak Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Program ini akan diadakan secara dalam talian.

3. Butiran lanjut mengenai aktiviti-aktiviti e-KLESF 2020 boleh diperolehi melalui laman sesawang <https://www.klesf.net/e-klesf-2020/>. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan e-KLESF 2020, pihak YBhg. Datuk/YBrs. Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi urusetia adalah seperti berikut:

No.	Nama	No. Telefon Bimbit	E-mel
1	Puan Marianne Masli	012-9820623	marianne@utar.edu.my
2	Cik Lee Woan Shiang	016-2633760	leewoans@utar.edu.my

4. Bersama-sama ini disertakan 2 poster e-KLESF (Lampiran 1 dan 2) untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk/YBrs. Dr./Tuan/Puan. Pihak YBhg. Datuk/YBrs. Dr./Tuan/Puan juga boleh menghubungi pegawai Bahagian ini iaitu **Puan Rizawani binti Mustafa** di talian **03-8884 1174** atau e-mel rizawani@moe.gov.my.

Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


 (ZAINAL BIN ABAS)

Pengarah
 Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
 Kementerian Pendidikan Malaysia.

ZK/rm

- s.k. 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
 2. Naib Presiden Universiti Tunku Abdul Rahman